

## Angkasa tembusi sektor dagangan emas

**KUALA LUMPUR 9 Feb.** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menerusi anak syarikatnya, MyAngkasa Holdings terus mengorak langkah melebarkan sayap perniagaan dengan menjalinkan kerjasama strategik bersama Pertubuhan Koperasi Asean (ACO) dan Quantum Metal Sdn. Bhd. dalam sektor dagangan emas.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, rata-rata masyarakat Asia Tenggara mula melabur dalam emas dan menyimpan emas sebagai barangan mewah sejak berkurun-kurun lamanya justeru beliau percaya permintaan bagi emas fizikal pasti menggalakkan.

“Penyimpanan emas dalam jangka panjang sangat baik kerana ia membantu mengembangkan ekonomi ummah dan pulangan urus niaga emas adalah lebih baik berbanding dengan perniagaan lain.

“Kami berharap inisiatif ini akan meningkatkan dan memudahkan pelaburan dan perdagangan dengan penggunaan emas sebagai aset dalam kalangan koperasi ASEAN,” katanya dalam sidang akhbar selepas menandatangani perjanjian kerjasama antara MyAngkasa Holdings, ACO dan Quantum Metal Sdn. Bhd. di



**Penyimpanan emas dalam jangka panjang sangat baik kerana ia membantu mengembangkan ekonomi ummah dan pulangan urus niaga emas adalah lebih baik berbanding dengan perniagaan lain.”**

**ABDUL FATTAH ABDULLAH**  
Presiden Angkasa

Wisma Ungku A. Aziz di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Eksekutif Quantum Metal Sdn. Bhd. Datuk Dr. KS Lim; Naib Presiden Angkasa, Prof. Madya Datuk Mohammad Ali Hasan dan Setiausaha Agung ACO, Datuk Hanapi Suliman.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah yang juga Presiden ACO memberitahu, pihaknya memilih untuk bekerjasama dengan Quantum Metal kerana ia adalah syarikat kukuh pengedar emas sekali gus dapat membantu mengurangkan pelbagai risiko khususnya ketidaktentuan mata wang.



**ABDUL FATTAH ABDULLAH, KS Lim dan Ketua Pegawai Eksekutif MyAngkasa Holdings, Shaharudin Mohammed (tengah) selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama di Wisma Ungku A. Aziz, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD HAFIZ**